



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 12 SEPTEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PEMIMPIN, PENDIDIK DI SARAWAK DIGESA KUASAI ILMU TEKNOLOGI DIGITAL		POSITIF
	https://suarasarawak.my/pemimpin-pendidik-di-sarawak-digesa-kuasai-ilmu-teknologi-digital/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/09/11/integrasi-teknologi-digital-dalam-ekosistem-pembelajaran/	TVSARAWAK.MY	
	https://utusansarawak.com.my/pemimpin-pendidikan-digital-pemacu-transformasi-masa-depan/	UTUSANSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	80 TAHUN PEMBEBASAN KEM BATU LINTANG, LAMBANG KEBERANIAN DAN PERPADUAN		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/09/11/80-tahun-pembebasan-kem-batu-lintang-lambang-keberanian-dan-perpaduan/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/batu-lintang-pow-camp-legacy-honoured-on-80th-anniversary/	SARAWAKTRIBUNE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PELAN TINDAKAN NASIONAL WPS PERKUKUH PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA - NURUL IZZAH		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2466350	BERNAMA.COM	
	https://www.suarakeadilan.my/post/polity-sambut-baik-pelan-tindakan-nasional-wanita-keamanan-keselamatan	SUARAKEADILAN.MY	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2466354	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/polity-backs-malaysia-s-first-women-peace-security-plan-DK14874968	THESUN.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KEMBAR DIJAGA JKM JIKA ADA UNSUR ABAI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/11/kembar-dijaga-jkm-jika-ada-unsur-abai/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	1,928 SEKOLAH SERTAI KEMPEN INTERNET SELAMAT ANJURAN MCMC		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/1,928-sekolah-sertai-kempen-internet-selamat-anjuran-mcmc	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	"COLD VIOLENCE" MUSNAHKAN RUMAH TANGGA SECARA SENYAP		NEUTRAL
	https://www.bernama.com/bm//news.php?id=2466193	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	DUA BERADIK LEMAS: REMAN BAPA, TEMAN WANITA DISAMBUNG 5 HARI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1444897/dua-beradik-lemas-rem-an-bapa-teman-wanita-disambung-5-hari	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/11/rem-an-bapa-dua-beradik-lemas-di-tanjung-agas-disambung/	KOSMO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/rem-an-bapa-dan-teman-wanita-dalam-kes-lemas-dua-beradik-disambung-EK14874312	THESUN.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/09/11/dua-beradik-lemas-rem-an-bapa-teman-wanita-disambung/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=3SRuLYKQgJY	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	TUMBUK GURU: PELAJAR TUKAR KEPADA PENGAKUAN TIDAK BERSALAH		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/11/tumbuk-guru-pelajar-tukar-kepada-pengakuan-tidak-bersalah/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/pelajar-pukul-guru-di-sekolah-tukar-pengakuan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/747526/berita/semasa/pelajar-tumbuk-cikgu-tukar-pengakuan-tidak-bersalah-mohon-masa-berfikir	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/11/pelajar-tumbuk-cikgu-tukar-pengakuan-tak-bersalah	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/11/teen-decides-to-claim-trial-to-charge-of-punching-teacher	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/112647/student-accused-of-punching-teacher-changes-plea-to-not-guilty	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	GURU BESAR DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP PELAJAR LELAKI		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/guru-besar-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-pelajar-lelaki	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/747504/berita/semasa/mudir-didakwa-liwat-amang-seksual-pelajar-dan-miliki-bahan-lucah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/09/mudir-didakwa-lakukan-amang-seksual-fizikal-pelajar-lelaki/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/mudir-sekolah-pondok-hadapi-7-tuduhan-amang-seksual-terhadap-pelajar-lelaki/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/11/mudir-sekolah-pondok-didakwa-sentuh-pelajar-lelaki-simpan-gambar-lucah/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1444794/mudir-sekolah-pondok-hadapi-7-tuduhan-amang-seksual-terhadap-pelajar	BHARIAN.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2466280	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1262759/lelaki-tak-mengaku-7-pertuduhan-amang-seksual-pelajar-miliki-gambar-lucah	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PENIAGA PASAR MALAM TAK MENGAKU ROGOL ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/peniaga-pasar-malam-tak-mengaku-rogol-anak-tiri/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/747512/edisi/utara/pe-niaga-pasar-malam-mengaku-tidak-bersalah-rogol-anak-tiri	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/11/peniaga-didakwa-masuk-bilik-tidur-anak-tiri/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	NELAYAN DIPENJARA 20 TAHUN KERANA ROGOL ADIK IPAR		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/nelayan-dipenjara-20-tahun-kerana-rogol-adik-ipar/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1262998/rogol-adik-ipar-nelayan-dipenjara-20-tahun	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	TUKANG RUMAH DISYAKI ROGOL ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/747518/edisi/utara/tukang-rumah-disyaki-rogol-anak-tiri	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MANDAT... Nancy Shukri menyampaikan sijil penghargaan kepada Ilamaran Subramaniam di Majlis Penutupan Pemukiman Pemimpin Digital Madani FOTO: GHAZALI BUJANG

Pemimpin, pendidik di Sarawak digesa kuasai ilmu teknologi digital

👤 NAZIRY HARIZAN 📅 6 jam lepas 📍 SARAWAK, UTAMA ⌚ 6 jam lepas

KUCHING: Sarawak perlu bersedia awal terhadap gelombang pembangunan Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi digital dengan meningkatkan penguasaan kemahiran tersebut dalam kalangan pendidik dan kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Santubong, Datuk Seri Hajah Nancy Shukri berkata, penggunaan teknologi yang semakin mendunia harus ditangani secara efektif – memastikan generasi masa kini tidak ketinggalan dalam kemahiran digital secara lebih meluas.

“Pembangunan (teknologi digital) dapat dilihat berlaku bukan sahaja di negara kita malah seluruh dunia dengan begitu pantas. Kita tidak boleh lari daripada teknologi seperti ini, sekarang zaman manusia berbicara tentang Chat GPT, LLM, Google dan sebagainya,”katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutupan Program Pemukiman Pemimpin Pendidikan Digital Madani Sekolah Terintang Negeri Sarawak di Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak, hari ini.

Beliau menyeru agar kepimpinan khususnya para pendidik mampu memikul tanggungjawab dengan menjadi teladan yang baik menyalurkan kepakaran ilmu teknologi kepada anak-anak.

“Transformasi ini hanya boleh dicapai menerusi kerjasama erat daripada semua pihak,” tegasnya.

Mengulas mengenai program pemukiman itu, Nancy menegaskan ia membuktikan komitmen tinggi semua pihak yang terlibat dalam usaha mempertingkatkan agenda pendidikan digital di Sarawak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Datuk Seri Nancy Shukri dan Datuk Sebastian Ting Chiew Yew pada Majlis Ulang Tahun ke-80 Pembebasan Sarawak dalam Perang Dunia Kedua 1945-2025. Foto Nadim Bokhari (TVS)

80 tahun pembebasan Kem Batu Lintang, lambang keberanian dan perpaduan

By Muqri Aziz #bm. Berita Sarawak September 11, 2025 7:14 PM

KUCHING, 11 Sept: Ulang tahun ke-80 pembebasan Kem Batu Lintang hari ini menjadi peringatan penting tentang pengorbanan mangsa perang serta simbol keberanian rakyat dalam mendepani detik hitam sejarah.

Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah berkata peristiwa itu harus dijadikan pengajaran untuk generasi masa kini supaya menghargai keamanan dan kebebasan yang dikecapi pada hari ini.

"Kita berkumpul bukan sahaja untuk memperingati pembebasan Sarawak daripada pendudukan Jepun tetapi juga untuk menghormati ingatan semua yang menderita dan terkorban serta memberi penghormatan kepada veteran dan mangsa yang terselamat, yang semangat juangnya masih menginspirasi kita.

"Kisah Batu Lintang mengajar kita tentang kepentingan ketabahan di saat paling gelap, kekuatan perpaduan ketika ditindas dan betapa mahalnya hadiah sebuah keamanan. Kita tidak boleh lupa bahawa kebebasan dan kestabilan yang kita nikmati hari ini datang dengan pengorbanan yang amat besar," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, Datuk Sebastian Ting Chiew Yew pada Majlis Ulang Tahun ke-80 Pembebasan Sarawak dalam Perang Dunia Kedua 1945-2025 di Institut Pendidikan Guru (IPG) Batu Lintang, di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Simon Fellows, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri serta Presiden Persekutuan Pelancongan Sarawak (STF), Audry Wan Ullok.

Beliau berkata Kerajaan Sarawak akan terus menyokong usaha memperkukuh nilai perpaduan serta memperingati pengorbanan mereka yang terkesan akibat perang, khususnya di wilayah ini.

Sementara itu, Fellows berkata peristiwa pembebasan Kem Batu Lintang pada 11 September 1945 menjadi bukti keberanian serta semangat juang rakyat Australia dan Sarawak dalam menghadapi penderitaan perang.

Beliau berkata kem itu menempatkan anggota tentera bersekutu dan tahanan awam yang sama-sama berdepan penyakit, buruh paksa serta kekurangan makanan dan ubat-ubatan.

"Lebih seribu tahanan dipercayai terkorban di sini dan keadaannya boleh menjadi lebih buruk. Namun, empat hari sebelum arahan dilaksanakan, setiap tawanan perang dibawa masuk ke kem ini, ketika itu jumlahnya kira-kira 2,000 lelaki, wanita dan kanak-kanak.

"Sebelum arahan itu sempat dilaksanakan, kem ini telah dibebaskan oleh Divisyen Tentera Australia pada 11 September 1945 iaitu 80 tahun yang lalu pada hari ini," katanya.

Fellows turut mengimbas kembali peranan Brigadier Thomas Charles Eastick yang memaklumkan pembebasan tahanan serta menerima penyerahan rasmi tentera Jepun daripada Mejar Jeneral Hiroye Yamamura di atas kapal perang HMAS Kapunda di Pending, Kuching.

Katanya, keberanian dan daya tahan para tahanan serta tindakan anggota tentera Australia 80 tahun lalu menjadi asas kepada hubungan erat antara Australia dan Malaysia sehingga hari ini.

Pada majlis itu, Audry Wan menyampaikan cenderamata kenangan kepada anak bekas tahanan perang terakhir Kem Batu Lintang, Jeli Mike Abdullah.

Majlis berkenaan diakhiri dengan doa yang dipimpin oleh The Very Reverend Michael Buma Galami, diikuti persembahan koir memperingati tahanan perang yang menampilkan Last Post, Ode of Remembrance, Rouse of Remembrance serta upacara meletakkan kalungan bunga. – TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pelan Tindakan Nasional WPS Perkukuh Peranan Wanita Dalam Pembangunan Negara – Nurul Izzah

🕒 11/09/2025 02:44 PM



KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Pelan Tindakan Nasional berkenaan Wanita, Keamanan dan Keselamatan (WPS) 2025–2030 yang dilancarkan Selasa lepas satu langkah penting dalam memperkukuh peranan wanita sebagai tonggak keamanan, keselamatan serta pembangunan negara.

Pengerusi Eksekutif badan pemikir Polity Nurul Izzah Anwar berkata pelan dilancarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) itu juga menegaskan komitmen Malaysia terhadap resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) 1325.

"Malah, ia turut membawa mesej bahawa suara, kepimpinan, dan perlindungan wanita teras dalam membina keamanan serta menjamin pembangunan negara yang inklusif dan mampan.

"Empat tonggak utama pelan ini, iaitu perspektif, pencegahan, penyertaan, dan perlindungan menyediakan rangka kerja jelas bagi menterjemahkan agenda WPS kepada hasil nyata yang menyentuh kehidupan rakyat biasa," katanya dalam kenyataan hari ini.

Nurul Izzah berkata cabaran sebenar terletak kepada pelaksanaan pelan tindakan berkenaan, dengan menyifatkan usaha membina keamanan tidak boleh sekadar kekal sebagai dasar atas kertas, sebaliknya dihidupkan dalam isi rumah, kejiiran dan komuniti.

"Hanya dengan cara itu kita dapat melindungi masa depan rantau ini daripada konflik, krisis, serta ujian berterusan terhadap keselamatan kita," katanya.

Beliau berkata perkara berkenaan antara yang akan diberi tumpuan pada Persidangan Kepimpinan Wanita Asia Tenggara 2025: WPS anjuran Polity pada 30 Sept ini, menampilkan suara-suara serantau seperti Dwi Rubiyanti Kholifah, Prof Tan Sri Jemilah Mahmood dan Dr Amina Rasul-Bernardo.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tangkap layar dua beradik kembar didakwa dipaksa ibu tiri tidur di kaki lima flat dan ditutup mata sambil makan.

Kembar dijaga JKM jika ada unsur abai

Oleh NOOR HASUZA NUSI 11 September 2025, 3:42 pm

GEORGE TOWN – Pasangan kembar yang tular tidur di kaki lima luar rumah, sebuah pangsapuri di Balik Pulau di sini kemungkinan akan berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Lim Siew Khim berkata, kes membabitkan pasangan kembar lelaki berusia lapan tahun itu bagaimanapun masih dalam siasatan polis namun pihaknya sentiasa memantau keadaan mangsa terbabit.

Menurutnya, sehingga kini dua beradik itu masih ditempatkan di Hospital Pulau Pinang (HPP) untuk pemeriksaan lanjut.

"Dikatakan tiada unsur dera namun laporan secara rasmi perlu ada. Jika tiada sangkut kes dera, JKM akan siasat unsur pengabaian dan lain-lain.

"Sekiranya ada berlaku pengabaian, JKM akan segera ambil kanak-kanak untuk diselamatkan," katanya di sini, hari ini.

Dalam pada itu, katanya lagi, pihaknya setakat ini belum menerima rujukan dari Jabatan Kerja Sosial Perubatan di hospital namun kedua-dua mangsa masih dalam pemerhatian JKM.

"Sehingga itu juga, JKM akan melaksanakan dan melengkapkan laporan jika terdapat unsur pengabaian dan lain-lain.

"Ya (akan dapatkan perintah jagaan sementara oleh JKM), itu antara alternatif sekiranya laporan Pelindung menjurus kepada pengabaian dan lain-lain di bawah Akta Kanak-kanak 2001," ujarnya.

Semalam, media melaporkan pasangan kembar lelaki yang tular tidur di luar kaki lima rumah berpunca selepas mereka dimarahi ibu tiri akibat bermain api di dalam rumah.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisioner Szalee Adam berkata, pemeriksaan awal terhadap kanak-kanak berusia lapan tahun itu tidak menemukan kesan lebam atau kecederaan fizikal.

Jelasnya, siasatan juga mendapati pasangan kembar lelaki itu dipercayai dijaga ibu tiri yang berusia 39 tahun bersama bapa kandung mereka.

"Isu kejadian mata ditutup semasa makan pula disebabkan mangsa tidak suka makan sayur lalu suspek menutup mata agar mangsa makan sayur-sayuran. Selain itu, mangsa menyatakan tidak pernah cidera oleh saspek," ujarnya. -KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1,928 sekolah sertai Kempen Internet Selamat anjuran MCMC

Nasional – Dicipta: 11 September 2025 05:16 PM



Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching (dua, kiri) melawat bengkel kesedaran selepas perasmian karnival Kempen Internet Selamat (KIS) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Peringkat Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pusat Konvensyen Shah Alam / Foto Bernama

SHAH ALAM, 11 September – Sebanyak 1,928 sekolah di seluruh negara telah menyertai modul Kempen Internet Selamat (KIS) anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) setakat 1 September lalu.

Daripada jumlah itu, 144 sekolah terlibat adalah di Selangor manakala 76 lagi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching berkata pelaksanaan modul-modul KIS merupakan usaha strategik untuk memperluas capaian program agar tiada pihak yang tercicir daripada inisiatif tersebut.

“Setakat ini, program ini mendapat sambutan positif daripada institusi pendidikan kerana berkesan meningkatkan kesedaran murid mengenai kepentingan melindungi diri ketika melayari internet, memahami risiko siber serta memupuk budaya penggunaan internet secara bertanggungjawab.

“Kita mahu pastikan program ini bersifat interaktif supaya mudah difahami dan diingat. Sebagai contoh, apabila murid berdepan situasi orang asing menghubungi mereka atau meminta gambar, mereka tahu tindakan yang wajar diambil. Dengan cara ini, kita dapat membimbing mereka secara lebih berkesan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Karnival Kempen Internet Selamat (KIS) peringkat Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Selangor dan Kuala Lumpur, hari ini.

Karnival itu dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Persatuan Guru Besar Tamil Malaysia, selain turut disertai pameran daripada rakan strategik MCMC seperti Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Selangor.

Sebanyak 107 SJKT di Selangor dan Kuala Lumpur telah menyertai karnival tersebut, manakala seramai 214 murid dilantik sebagai Ikon Kapten K-DAT yang akan menjadi duta Kempen Internet Selamat di sekolah masing-masing.

Tambah Teo, program seumpama itu juga berpotensi diperluas ke negeri-negeri lain sekiranya menerima respons positif daripada pelbagai pihak berkepentingan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua beradik lemas: Reman bapa, teman wanita disambung 5 hari

BERNAMA - September 11, 2025 @ 2:18pm



Sebuah kereta menggelongsor ke Sungai Linggi pada 4 September lalu menyebabkan dua beradik lelaki dan perempuan berumur enam dan lapan tahun lemas. - foto BERNAMA

SEREMBAN: Tempoh reman bapa kepada dua beradik yang meninggal dunia akibat lemas dalam kereta yang menggelongsor ke Sungai Tanjung Agas Linggi, Port Dickson, disambung lima hari hingga 16 September ini.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Alzafry Ahmad, berkata reman terhadap teman wanita lelaki itu pula disambung empat hari hingga 15 September ini dengan permohonan lanjutan itu diperolehi daripada Mahkamah Majistret Port Dickson, pagi tadi.

"Permohonan lanjutan reman terhadap kedua-dua suspek itu bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan," katanya kepada BERNAMA di sini, hari ini.



Seorang lelaki dan teman wanitanya direman bagi membantu siasatan kematian dua kanak-kanak yang lemas selepas kereta dinaki mereka menggelongsor ke Sungai Linggi di Tanjung Agas, Port Dickson pada 4 September lalu. - foto BERNAMA

Lelaki dan wanita masing-masing berumur 46 dan 41 tahun itu sebelum ini direman tujuh hari bermula dari 5 September bagi membantu siasatan berhubung kematian dua kanak-kanak yang masing-masing berumur enam dan lapan tahun.

Dalam kejadian pada 4 September lalu, dua beradik masing-masing seorang lelaki dan perempuan lemas apabila terperangkap dalam kereta yang menggelongsor ke Sungai Tanjung Agas Linggi.

Bagaimanapun bapa mereka terselamat kerana berada di luar kereta ketika kejadian manakala seorang wanita yang turut berada dalam kenderaan dapat diselamatkan orang awam.

Bedah siasat mengesahkan punca kematian dua beradik itu disebabkan lemas dan tiada unsur kekerasan. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tertuduh juvana ketika hadir di Mahkamah Majistret hari ini.

Tumbuk guru: Pelajar tukar kepada pengakuan tidak bersalah

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN | 11 September 2025, 2:58 pm

KAJANG – Seorang pelajar lelaki yang tular menumbuk guru lelakinya pada Julai lalu menukar pengakuan bersalah kepada tidak bersalah di di Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Perkara itu dimaklumkan peguam S. Priyalatha yang mewakili tertuduh juvana yang berusia 14 tahun itu selepas sebutan kes di hadapan Majistret Fatin Dayana Jalil yang dijalankan dalam prosiding tertutup.

"Mahkamah kemudian menetapkan tarikh sebutan semula bagi serahan dokumen pada 9 Oktober ini. Sama ada pihak kami akan mengemukakan representasi atau mengambil tindakan lain, kita tunggu dokumen berkaitan tertuduh daripada pihak pendakwaan," kata peguam itu.

Sepatutnya hari ini adalah ditetapkan untuk jatuh hukuman dan laporan akhlak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) namun tertuduh menukar kepada pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan semula.

Semasa prosiding pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Siti Nur Alia Safri. Mahkamah kemudian membenarkan remaja itu diikat jamin RM1,000 dengan seorang penjamin seperti mana yang jumlah ditetapkan sebelum ini.

Mengikut pertuduhan, remaja itu didakwa dengan sengaja telah menyebabkan kecederaan ke atas guru lelakinya berusia 29 tahun di sebuah sekolah menengah di sini pukul 4.48 petang pada 28 Julai lalu.

Justeru pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum setahun atau denda boleh sampai RM2,000 atau dengan kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Sebelum ini media melaporkan berang ditegur kerana ponteng kelas punca seorang pelajar lelaki bertindak menumbuk muka seorang guru dalam kejadian di sebuah sekolah menengah kebangsaan, di sini. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru besar didakwa lakukan amang seksual terhadap pelajar lelaki

Jenayah - Dicipta: 11 September 2025 01:10 PM



PASIR MAS, 11 September – Seorang mudir atau guru besar sekolah pondok didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tujuh pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang pelajar lelaki serta memiliki gambar lucah.

Muhammad Aswadi Yah, 46, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkpli Abdullah.

Mengikut pertuduhan pertama hingga keenam dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki yang kini berusia 16 tahun, di sebuah rumah di Kampung Kubang Batang, Tumpat, antara 7 hingga 7.30 pagi sejak Jun 2024 hingga Ogos lepas.

Pertuduhan mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan ketujuh, dia didakwa memiliki gambar lucah dalam telefon bimbit miliknya pada 29 Ogos lalu, kira-kira 4 petang, di lokasi sama.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM45,000 dengan seorang penjamin, serta menetapkan syarat tambahan supaya tidak mengganggu saksi dan melaporkan diri di balai polis terdekat setiap bulan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Siti Aiysha Na'ilah Harizan, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Irwan Sumadi.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 11 Nov ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Peniaga pasar malam (tengah) mengaku tidak bersalah merogol anak tirinya di Mahkamah Sesyen Sungai Petani, hari ini.

Peniaga didakwa 'masuk' bilik tidur anak tiri

Oleh OTHMAN YAHAYA 11 September 2025, 12:23 pm

SUNGAI PETANI – Seorang peniaga pasar malam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan merogol anak perempuan tirinya yang berusia 13 tahun, bulan lalu.

Tertuduh yang berusia 32 tahun dan tidak diwakili peguam itu mohon dibicarakan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Azman Abu Hassan.

Dia didakwa melakukan perbuatan terkutuk itu di bilik tidur sebuah rumah di Gurun, dekat sini pada pukul 10 malam, 10 Ogos lalu.

Pendakwaan terhadapnya dilakukan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lapan tahun dan maksimum 30 tahun dan hendaklah dikenakan sebatan tidak kurang 10 kali, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 13 Oktober depan untuk sebutan semula kes sementara menunggu laporan perubatan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nelayan dipenjarakan 20 tahun kerana rogol adik ipar

11 September 2025, 7:02pm



Tertuduh dipenjarakan 20 tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini. Foto NSTP

Oleh: Abdul Rahemang Taiming

TAWAU: Seorang nelayan dipenjarakan 20 tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, selepas mengaku bersalah merogol kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun yang juga adik iparnya, tahun lalu.

Hukuman itu diputuskan Hakim Ahmad Faizadh Yahaya selepas tertuduh yang berusia 31 tahun itu, menukar pengakuan kepada bersalah pada prosiding yang sepatutnya ditetapkan untuk perbicaraan penuh hari ini.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol mangsa di sebuah rumah di Semporna, antara jam 10 malam hingga 4 pagi, pada 27 hingga 28 November tahun lalu.

Bagi kesalahan itu pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 376(2)(d) yang boleh dihukum di bawah Seksyen yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan hukuman sebat jika sabit kesalahan.

Terdahulu, bapa kepada tiga orang anak dalam rayuannya memohon hukuman ringan dengan alasan sudah bertaubat selain menjadi penanggung tunggal keluarga termasuk isteri yang sedang hamil.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Haikal Hazwan Md Yatin dalam hujahnya memohon hukuman penjara dan sebatan maksimum dikenakan ke atas tertuduh mengambil kira tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan.

“Ia pengkhianatan kepada hubungan kekeluargaan. Kesan trauma mendalam yang dialami mangsa akibat meninggalkan kesan psikologi berpanjangan yang menghantui sepanjang hayatnya,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tukang rumah disyaki rogol anak tiri



SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

Follow

11 September 2025 01:58pm



Suspek (kanan) yang ditahan reman selama tujuh hari dibawa keluar dari Mahkamah Sungai Petani pada Khamis.

SUNGAI PETANI - Seorang lelaki tergamak melakukan perbuatan sumbang mahram dengan anak tiri berusia 15 tahun dalam kejadian di Pantai Merdeka, di sini beberapa bulan lalu.

Tukang rumah berusia 51 tahun itu disyaki melakukan perbuatan terkutuk terbabit ketika keluarga itu termasuk mangsa bermalam di sebuah penginapan di sini.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Hanyan Ramlan ketika dihubungi mengesahkan kejadian.

Menurutnya, suspek telah ditahan di rumahnya dekat Kuala Ketil awal pagi Khamis bagi membantu siasatan.

"Permohonan reman dilakukan di Mahkamah Sungai Petani dan suspek direman selama tujuh hari," katanya.

Menurutnya, mangsa yang tinggal di Pulau Pinang telah bertindak membuat laporan polis di Butterworth sebelum itu.

"Hasil rakaman percakapan awal mangsa, kita dimaklumkan kejadian rogol itu telah dilakukan beberapa kali sebelum ini di rumah suspek di Kuala Ketil dan rumah keluarga mangsa di Butterworth, Pulau Pinang.

"Kita telah menghantar mangsa untuk pemeriksaan lanjut di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) dan sedang menunggu laporan perubatan berhubung kejadian," katanya.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.